

# Gereja tidak berfungsi tanpa paderi

**S**ACROFANO, Itali: Gereja tidak dapat meneruskan karyanya tanpa dedikasi dan khidmat pastoral anda ... dengan kata-kata ini, Sri Paus Fransiskus mengucapkan terima kasih yang tulus kepada para paderi paroki dalam surat yang diutusnya kepada para peserta Pertemuan Antarabangsa “Paderi Paroki untuk Sinode.”

Kira-kira tiga ratus paderi paroki dari seluruh dunia berkumpul minggu ini di Sacrofano, Itali bagi pertemuan lima hari yang didedikasikan untuk mendengar, berdoa dan berbicara untuk menangani persoalan bagaimana menjadi Gereja sinodal tempatan dalam misi.

## Perkongsian kisah Yesus masih berkarya di paroki masing-masing

Semasa pembukaan perhimpunan itu, Kardinal Mario Grech, Setiausaha Agung Sinode berkata, “Kamu tidak datang ke sini untuk menerima beberapa pengajaran atau eksposisi tentang sinodal sebaliknya untuk memberitahu kami kisah kamu, kerana kisah setiap kamu adalah penting.”

“Kami ingin mendengar cerita anda, kami ingin mendengar bagaimana Yesus bekerja di paroki kamu pada hari ini,” jelas Kardinal Mario, seraya menerangkan bahawa pertemuan para paderi antarabangsa itu adalah mengenai “perkongsian cerita, membantu satu sama lain melihat kehadiran Tuhan dalam pengalaman para paderi, memahami bahawa pemeliharaan-Nya masih berkarya dalam Gereja hari ini.”

## Cabaran boleh memperkaya proses sinodaliti

Pada hari terakhir pertemuan antarabangsa itu, Bapa Suci menyatakan rasa terima kasih dan penghargaan atas karya-karya mu-



Paderi paroki dari seluruh dunia berhimpun di Sacrofano, di luar Roma, sempena Pertemuan Antarabangsa yang didedikasikan membicarakan persoalan “Bagaimana menjadi Gereja misi sinodal di paroki masing-masing.” Gambar: Synod.va.

rah hati para paderi paroki, pelayanan yang mereka lakukan setiap hari untuk menumbuhkan benih Injil bertunas dan berakar di seluruh dunia.

Bapa Suci mengakui pelbagai cabaran besar yang dihadapi oleh para paderi namun bagi Bapa Suci Fransiskus, dari sudut positifnya, realiti itu dapat membawa pelbagai perspektif serta pengalaman dan memperkayakan proses sinodaliti.

## Paderi mengetahui kehidupan umat Tuhan

Sri Paus Fransiskus menegaskan paderi paroki mengetahui dan memahami kehidupan umat Tuhan, kegembiraan mereka, kesusahan, sumber dan keperluan mereka.

“Atas sebab ini, sebuah Gereja sinodal memerlukan paderi parokinya,” tegas Sri Paus, seraya menegaskan bahawa tanpa paderi, kita tidak akan pernah dapat belajar bagaimana

untuk berjalan bersama-sama dan menuju ke jalan sinodal.”

Sri Paus mengingatkan bahawa “Jika paroki tidak sinodal dan bersifat misi, Gereja tidak akan berkembang.”

Oleh itu, Sri Paus menyeru para paderi untuk menemani masyarakat yang mereka layani dalam proses sinodal dan pada masa yang sama, komited dalam doa, kebijaksanaan dan semangat memberitahkan Khabar Baik Tuhan.

## Tiga inspirasi daripada Sri Paus Fransiskus untuk para paderi paroki

Tuhan, meminta kita hari ini untuk mendengar suara Roh-Nya dan untuk berjalan ke arah yang Dia tunjukkan kepada kita.

“Satu perkara yang pasti, yang tidak akan berubah: Dia tidak akan meninggalkan kita tanpa rahmat-Nya.”

Sri Paus Fransiskus juga menawarkan tiga cadangan yang memberi inspirasi kepada pa-

deri paroki dalam aktiviti dan misi mereka.

Pertama, Sri Paus menggesa para paderi untuk menghidupkan karisma pelayanan di mana Roh Kudus telah mengurniakan pelbagai karunia di kalangan Umat Tuhan.

Cadangan kedua ialah belajar mengamalkan seni kebijaksanaan komunal dengan menggunakan “perbualan dalam Roh” seperti yang digunakan semasa perhimpunan Sinode Oktober tahun lalu.

Terakhir, Sri Paus Fransiskus menggalakkan para paderi untuk mendasarkan segala yang mereka lakukan “dalam semangat perkongsian dan persaudaraan” di kalangan sesama paderi dan uskup mereka.

Gereja sinodal dan misi adalah proses berterusan Sinode 2021-2024 yang bertema, “Untuk Gereja Sinodal: Perjamuan, Penyertaan, Misi” di mana proses ini memerlukan paderi paroki dan suara mereka, tegas Sri Paus.

Wakil Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei, Fr David Garaman dari Keuskupan Sandakan, telah dipilih untuk menghadiri acara antarabangsa tersebut.

“Perhimpunan antarabangsa ini memberikan peluang untuk berkongsi pengalaman hidup sinodaliti di setiap lokaliti dan realiti pelayanan keperderian. Memberi, mendengar dan berkongsi pengalaman sama ada yang positif atau negatif memberikan saya suntikan harapan tentang keperluan hidup bersinodal sebagai Gereja yang wujud untuk misi,” kata Fr David. — CNA/media Vatikan



Fr David Garaman (tiga dari kiri) dari Sandakan, mewakili Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura, Brunei ke Pertemuan Antarabangsa Paderi Paroki di Sacrofano, Itali. Gambar: Synod.va.

# Penyembuhan dalam Ekaristi

Baru-baru ini, seorang lelaki berjumpa dengan saya untuk meminta pertolongan. Dia meluahkan beberapa kelukaan berat, bukan kecederaan fizikal tetapi kelukaan emosi dalam jiwanya.

Apa yang mengejutkan saya pada mulanya ialah meskipun dia sangat terluka, tetapi dia sebenarnya tidak pernah mengalami penderitaan atau trauma semasa kanak-kanak mahupun dewasa.

Rupa-rupanya, dia menerima kelukaan biasa dan kekecewaan akibat perlakuan orang lain: dia pernah diperkecilkan, dibuli, menjadi insan yang selalu dibenci, tidak puas hati dengan tubuh badan sendiri, wujudnya ketidakadilan dalam keluarga, tidak dilayan dengan adil di tempat kerja, rasa kronik diabaikan, berasa tidak difahami dan dihargai, kasihan terhadap diri sendiri dan kurang keyakinan.

Oleh kerana dia seorang lelaki sensitif dan dengan gabungan semua tekanan ini, maka hanya tinggal sedikit ketahanan dalam dirinya.

Kini, berusia lewat pertengahan abad, dia tidak mampu untuk bersyukur, menjadi seorang pemimpin yang gembira seperti yang dimahukannya.

Sebaliknya, dia sendiri mengakui, dia terperangkap di dalam kelukaan kronik dalam jiwanya. Malah rasa bimbang dari dalam hatinya turut mempengaruhi bahawa hidup ini selamanya tidak adil terhadapnya.

Oleh itu, dia banyak menghabiskan masa melindungi diri sendiri dan berasa geram kepada mereka yang secara terbuka memperlihatkan cinta kasih dengan bebas.

“Saya benci melihat orang-orang seperti Ibu Teresa dan Paus Yohanes Paulus yang sangat yakin dan bercakap betapa hati besarnya hati mereka terhadap orang miskin. Sedangkan saya pula penuh dengan kemarahan...”

Lelaki ini juga telah bertemu dan mengikut beberapa terapi profesional untuk membantunya memahami diri sendiri dengan lebih terbimbing tetapi terapi-terapi itu

tidak berkesan.

Dia masih tidak dapat berganjak, seperti orang lumpuh yang tidak dapat bergerak melangkaui semua kelukaan itu. Sebaliknya, dia masih tertanya-tanya, “Apa yang dapat saya lakukan dengan kelukaan-kelukaan ini?”

Jawaban saya kepadanya dan untuk semua yang terluka: “Bawalah kelukaan-kelukaan itu ke Ekaristi. Setiap kali anda menghadiri Ekaristi, bersiap sedialah, terima komuni, bawa semua ketidakberdayaan dan kelumpuhan anda kepada Tuhan, mintalah Dia untuk menjamah tubuh anda, hati anda, memori, kepahitan, rasa kurang yakin dengan diri sendiri, mintalah Dia menyentuh kerisauan anda, kelemahan anda dan ketakutan anda.

Serahkanlah tubuh dan hati anda yang tenat kepada Tuhan. Ungkapkan ketidakberdayaan anda dalam kata-kata ringkas dan merendahkan hati, “Sentuhlah aku. Sembuhkanlah luka-luka ku. Hilangkanlah paranoia ku. Penuhilah aku. Ampunilah aku. Hangatkanlah hati ku. Berikanlah aku kekuatan yang tidak ada dalam diri ku.”

Ulangilah doa ini, bukan hanya ketika anda menerima komuni dan ketika anda disentuh secara fizikal oleh tubuh Kristus tetapi semasa doa Ekaristi, ungkaplah doa ini, kerana pada ketika inilah, kita bukan sahaja disentuh dan disembuhkan oleh Yesus, tetapi kita juga disentuh dan disembuhkan oleh upacara yang sangat kudus.

Inilah bahagian dalam Ekaristi yang secara umumnya kita tidak fahami atau abaikan. Inilah bahagian dalam Ekaristi yang merayakan transformasi dan penyembuhan kelukaan dan dosa.

Dalam doa Ekaristi, kita memperingati “pengorbanan” Yesus, iaitu peristiwa di mana Yesus berkorban demi dosadosa yang dilakukan oleh kita.

Secara umumnya, dalam kesengsaraan dan kematian-Nya, Yesus telah mengambil luka-luka kita, kelemahan kita, ketidaksetiaan kita, dosa-dosa kita, mati dalam semua dosa ini, dan melalui

cintakasih dan kepercayaan-Nya yang mendalam terhadap kita semua, Dia mengampuni serta menjadikan kita kudus semula melalui kebangkitan-Nya.

Ini bermakna, setiap kali kita merayakan Ekaristi, kita haruslah membukakan diri kita agar aliran transformasi dalam peristiwa itu menyentuh diri kita, menyentuh luka-luka kita, kelemahan kita, ketidaksetiaan kita, dosa-dosa dan emosi yang melumpuhkan kita. Ekaristi mengubah kita, mentransformasikan kita untuk menjadi seorang yang bersukacita, bertenaga, padu dan penuh cinta.

Ekaristi adalah penyembuh hebat dan utama. Tetapi saya juga percaya terdapat banyak kebaikan dalam pelbagai terapi fizikal dan emosi, juga program-program penyembuhan di luar sana.

Saya juga percaya, ada kebaikan dalam usaha yang dilakukan sendiri untuk sembuh, seperti cabaran yang dihadapi oleh seorang lumpuh, di mana Yesus memerintahkan dia untuk mengemaskan tempat tidurnya dan berjalan!

Kita tidak seharusnya membiarkan diri kita lumpuh atau lemah kerana berasa kasihan terhadap diri sendiri, terlalu sensitif atau hyper-sensitif. Tuhan telah memberikan kita kulit untuk melindungi urat-urat yang sensitif.

Tetapi, meskipun demikian, kita masih tidak dapat menyembuhkan diri sendiri. Kaedah terapi, memahami diri sendiri, rakan-rakan yang penyayang dan usaha sendiri yang berdisiplin dapat banyak membantu kita tetapi tidak menyembuhkan kita secara keseluruhan.

Kesembuhan penuh datangnya dari sentuhan dan disentuh oleh yang Kudus. Secara khususnya, sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa sentuhan ini termasuklah sentuhan kekudusan dari tempat di mana ia banyak menyentuh kelukaan kita, rasa tidak berdaya, kelemahan dan dosa, tempat di mana Tuhan “menghapuskan segala dosa kita.”

Tempat itu adalah peristiwa di mana



Gambar ilustrasi: Ekaristi mengubah kita, mentransformasikan kita untuk menjadi seorang yang bersukacita, bertenaga, padu dan penuh cinta. Kredit gambar: Juanis bin Markus, KOMSOS Keuskupan Keningau

kematian dan kebangkitan Yesus dan peristiwa itu telah membolehkan kita semua untuk menyentuh, memasuki — di dalam doa Ekaristi dan menerima tubuh Kristus dalam komuni.

Kita semua perlu membawa kelukaan-kelukaan kita ke Ekaristi kerana di sanalah letaknya tenaga dan cinta yang kudus, di sana letaknya sebuah tempat di mana semua yang bernafas dapat disentuh dan apa yang belum sembuh, dapat disembuhkan seluruhnya. — *Aleteia*

## Bertindak sebagai duta kasih Tuhan

Dalam pembacaan Injil pada Hari Minggu ini, kita dapat melihat bahawa Yesus dalam hidup dan karya-Nya selalu berdoa. Maka pada dalam perjamuan malam terakhir-Nya juga, Dia berdoa khusus bagi murid-murid-Nya.

Kenyataan bahawa Yesus selalu berdoa untuk kita, sungguh merupakan suatu sumber kegembiraan dan peneguhan harapan bagi kita!

Dalam doa bagi murid-murid-Nya, yang juga bagi kita semua, Yesus menyebut tiga permohonan yang sangat kita perlukan dan harus kita hayati serta melaksanakannya.

Pertama: Yesus berdoa supaya kita, murid-murid-Nya, bersatu. “Ya Bapa, yang kudus, peliharalah mereka dalam namaMu, iaitu nama-Mu yang telah Engkau berikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu sama seperti Kita”

Kita semua diciptakan oleh Tuhan yang satu. Dan berkat pembaptisan, kita semua adalah putera-puteri Tuhan yang satu. Tuhan sendiri adalah tiga peribadi: Bapa, Putera dan Roh Kudus, namun Bapa, Putera dan Roh Kudus tetap satu. Maka kita semua juga harus bersatu. Tuhan yang adalah kasih, mengutus Kristus dan Roh-Nya untuk mempersatukan semua manusia.

Yesus dan Roh-Nya membongkar tembok-tembok pemisah. Gereja, iaitu kita

semua, dimaksudkan oleh Yesus sebagai tanda dan teladan perdamaian dan kerukunan.

Gereja harus menjadi sakramen persatuan dan perdamaian. Dapatkah Gereja kita disebut autentik, yang sungguh-sungguh sebagai persekutuan murid-murid Yesus, apabila di dalam Gereja itu sendiri, wargawarganya saling bermusuhan, terpecah belah dan hidup penuh kebencian dan dendam?

Yesus berdoa, agar kita selalu bersatu. Tetapi ini bererti kita bukan sahaja bersatu dengan orang-orang seagama, tetapi dengan setiap orang, dengan semua orang yang berkehendak baik.

Kedua: Sangat menarik bahawa Yesus juga berdoa: “Aku telah memberikan firman-Mu kepada mereka, dan dunia membenci mereka, kerana mereka bukan dari dunia, sama seperti Aku bukan dari dunia.”

Aku tidak meminta supaya Engkau mengambil mereka dari dunia, tetapi supaya Engkau melindungi mereka dari yang jahat”.

Kita sebagai pengikut Kristus, tidak diminta Tuhan supaya mengundurkan diri dari dunia dan memasuki suatu kelompok atau golongan tertutup, sebagai kumpulan eksklusif dan tertutup terhadap orang-orang lain.

Malah, Yesus mengutus kita ke tengah-tengah dunia, sama seperti Dia, yang bukan hanya diutus Bapa untuk orang Yahudi tetapi juga di kalangan bukan Yahudi.

Yesus tidak bermaksud menjadikan murid-murid-Nya menjadi eksklusif sebaliknya mereka diteguhkan dan diutus untuk memasuki dunia masyarakat bagi menghadirkan keselamatan yang diberikan oleh Tuhan kepada orang-orang yang memerlukan.

Ini bererti, di tengah-tengah kesibukan dan pelbagai urusan kita di dunia, kita harus sedar untuk bersikap, berfikir dan berusaha sebagai orang Kristian untuk menjauhkan diri dari yang jahat dan hidup sesuai dengan pedoman hidup yang telah diberikan Yesus.

Yesus juga berdoa agar segenap pengikut-Nya dijauhkan dari yang jahat. Yesus mengajarkan doa permohonan itu juga dalam doa Bapa Kami: “Bebaskanlah kami dari yang jahat”.

Ketiga: Akhirnya Yesus berdoa: “Kuduskanlah mereka dalam kebenaran; firman-Mu adalah kebenaran ... Dan Aku menguduskan diri-Ku bagi mereka, supaya mereka pun dikuduskan dalam kebenaran”.

Dikuduskan bererti ditujukan untuk melaksanakan suatu tugas yang direncanakan Tuhan bagi kita masing-masing. Namun

## HARI MINGGU PASKAH VII (TAHUN B)

KISAH PARA RASUL  
1:15-17, 20A, 20C-26  
1 YOHANES 4:11-16  
INJIL YOHANES 17:11-1

dikuduskan juga bererti diberi atau dilengkapi oleh Tuhan dengan rahmat dan kekuatan untuk melaksanakan apa yang dipercayakan kepada kita masing-masing.

Kita semua dan masing-masing dipanggil dan dikuduskan oleh Tuhan, untuk mengambil bahagian dalam karya Kristus.

Kita diutus ke dalam dunia untuk menjadi saksi Kristus. Ini bermaksud, kita harus memperkenalkan Kristus dan cara hidupnya melalui cara hidup kita masing-masing mahupun bersama-sama. Kristus adalah saksi Tuhan, padahal Tuhan yang adalah kasih.

Kasih inilah yang disebut kekudusan yang sejati.

Dengan demikian bila kita ingin menjadi kudus, maka kita dipanggil untuk hidup dan bertindak sebagai duta kasih Tuhan, seperti telah dilakukan oleh Yesus Kristus sebagai teladan kami. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imankatolik.or.id*

# Pesta Kerahiman Ilahi peringkat Keuskupan Keningau di Beaufort

BEAUFORT: Paroki StValentine, menjadi tuan rumah sempena Pesta Kerahiman Ilahi Peringkat Keuskupan Keningau pada April 14 lalu.

Lebih 800 umat dari pelusuk keuskupan menghadiri Misa yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong, Fr Bede Morti Lamutan dan Fr Ronnie Luni.

Semasa menyampaikan homili, Uskup Cornelius Piong mengungkapkan rasa syukur kepada Tuhan kerana berpeluang untuk merayakan Pesta Kerahiman di peringkat keuskupan pada tahun ini.

Prelatus itu menambah bahawa Kerahiman adalah sifat Tuhan. "Dalam Injil Yohanes 13:6, dinyatakan bahawa Tuhan menganugerahkan anak-Nya (Yesus) agar kita tidak binasa melainkan beroleh keselamatan kekal."

Ketua Keuskupan Keningau itu juga mengingatkan agar umat sentiasa terus menerus melakukan Devosi Kerahiman Ilahi



Para pendoa Kerahiman Ilahi diseru untuk menjadi pelaku kerahiman Tuhan. Pesta Kerahiman Ilahi peringkat Keuskupan Keningau diadakan di St Valentine, Beaufort.

yang diasaskan oleh Santa Faustina dari Kowalska.

"Santa Faustina dipilih sebagai Rasul

Kerahiman untuk mengingatkan kita tentang cintakasih Tuhan yang tak terbatas kepada umat-Nya. Oleh itu, sentiasalah terus

menerus melakukan Devosi Kerahiman Ilahi dan mewujudkannya dalam kehidupan sehari-hari," ujar Uskup Cornelius.

Semasa sesi ucapan pula, Fr Bede Morti selaku Pembimbing Kerasulan Kerahiman Ilahi mengatakan penganjuran Pesta Kerahiman Ilahi tahun ini dilakukan dengan lebih teliti dan mendapat penyertaan yang lebih ramai daripada umat.

Paderi paroki St Beaufort, Fr Ronnie Luni pula mengongsikan, "Secara peribadi Devosi Kerahiman Ilahi membantu saya dalam proses mengenal siapa itu Tuhan dan lebih mengagungkan Dia," kata paderi yang berasal dari Tambunan itu.

Selepas berkat penutup Misa, Uskup Cornelius memberkati imej Kerahiman Ilahi, dan melakukan penghormatan kepada imej tersebut. Gereja Bonda Maria Penolong Abadi, Mission Kemabong dipilih sebagai tuan rumah Pesta Kerahiman Ilahi peringkat Keuskupan Keningau pada tahun hadapan.

## Retret Pohon Keluarga, membebaskan keluarga dari kutukan keturunan



Putri Karmel dan Bro.Cse dari Pertapaan Karmel Kaingaran, Tambunan mengendalikan Retret Pohon Keluarga di Sandakan.

SANDAKAN: Seramai 151 peserta telah menyertai Retret Pohon Keluarga yang bertema, "Hulurkanlah tangan-Mu untuk menyembuhkan orang dan adakanlah tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat oleh nama Yesus hamba Mu yang kudus." (Kis 4:30).

Retret selama tiga hari dua malam itu dianjurkan oleh Tim Pelayanan Pembaharuan Karismatik Katolik (CHARIS) Gereja St Mark, Sandakan.

Para penceramah terdiri dari para suster Karmel dan Brother CSE dari Pertapaan Karmel Kaingaran, Tambunan.

Agar peserta disembuhkan dan dibebaskan dari ikatan dosa dan kutukan keturunan pohon keluarga dan mengalami sukacita Ilahi, merupakan antara matlamat retret tersebut.

Acara ini dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Simon J. Kontou dan seorang paderi dari Keuskupan Larantuka Indonesia, Fr Petrus Ece.

Sepanjang retret ini, para peserta diberi penjelasan tentang demensi sosial dosa, kesan dari dosa peribadi terhadap orang lain. Para penceramah juga memberikan pelbagai petua dalam menjaga hubungan dan doa.

Ada pelbagai doa diajar dalam retret ini misalnya doa untuk anak yang digugurkan dan doa untuk roh-roh dan pembebasan arwah.

Para peserta juga diingatkan akan manfaat dan berkat yang mengalir dari Sakramen Pengakuan serta diajak agar saling mengampuni.

### Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2026 8291  
Email:  
liza@herald.com.my

## Bagaimana mengendalikan hosti terjatuh?

**Soalan:** Semasa menyambut komuni baru-baru ini, hosti terjatuh betul-betul di hadapan saya. Saya terus membongkokkan badan untuk mengambil hosti dari lantai. Masa saya mengambil hosti, paderi menjerit dan menghalang saya. Namun disebabkan saya sudah membongkok dan mengambil hosti itu, saya terus menyerahkannya kepada paderi.

Selepas doa sesudah komuni, paderi itu memberi teguran bahawa orang awam tidak boleh mengambil hosti yang terjatuh. Persoalan saya, salahkan saya mengambil hosti yang jatuh di hadapan saya? Dan adakah patut saya dimarahi di hadapan orang ramai? — Ray, OLG, Melaka

**Jawaban:** Kadang-kadang semasa pengagihan Perjamuan Kudus dalam Misa, kejadian hosti (tubuh Yesus) atau wain (darah Yesus) 'terjatuh' oleh paderi atau pelayan komuni berlaku secara tidak sengaja.

Setiap kali ini berlaku, paderi, diakon atau pelayan komuni Misa Kudus diarahkan untuk menjaga agar tubuh dan darah Yesus diperlakukan dengan penuh penghormatan.

Menurut Pedoman Umum Misale Romawi 280 menyatakan, "Hosti atau bahagian hosti yang terjatuh harus dipungut dengan khidmat. Kalau ada Darah Kristus tertumpah, hendaknya tempat itu dibersihkan dengan air. Air itu lalu dituangkan ke dalam sakrarium di sakristi".

Hostia yang jatuh biasanya dimakan oleh pade-

ri, namun ada kalanya, jika hosti itu kotor dan diselaputi habuk, ia disimpan dalam sakristi, dimasukkan ke dalam bejana air dan apabila hosti itu telah larut, air itu dituangkan ke dalam sakrarium.

Jika tidak dapat melakukan semua ini (melarutkan hosti dan menuangnya di sakrarium) semasa Misa Kudus, biasanya seorang paderi akan meletakkan kain putih di atas tempat di mana hosti atau darah Yesus tertumpah selepas Misa.

Apabila orang melihat bahawa suatu hosti kudus terjatuh, atau bahkan potongannya yang kecil terjatuh di atas lantai, dia wajib memungutnya serta memberikannya kepada paderi pada saat yang tepat — mungkin di akhir komuni ketika paderi bersiap membersihkan piala

Sebab mengapa Gereja berusaha keras untuk menjaga pengendalian dan kesucian hosti semasa Misa adalah kerana Gereja dengan teguh percaya kepada kata-kata Yesus, "inilah tubuh-Ku, inilah darah-Ku" seperti yang dijelaskan oleh Katekismus Gereja Katolik, 1376: "oleh konsekrasi roti dan anggur terjadilah perubahan seluruh substansi roti ke dalam substansi tubuh Kristus, Tuhan kita, dan seluruh substansi anggur ke dalam substansi darah-Nya. Perubahan ini oleh Gereja Katolik dinamakan secara tepat dan dalam erti yang sesungguhnya perubahan hakiki [transsubstansiasi]" (DS: 1642).

Dengan realiti ini dalam fikiran, roti dan wain yang terjatuh itu adalah sesungguhnya Tubuh dan Darah Sang Penyelamat kita.

Iman ini menyatakan bahawa semua yang Gereja lakukan berkaitan dengan Ekaristi, mengakui bahawa Tuhan sendiri yang hadir dan tindakan kita terhadap 'hosti yang terjatuh' harus bersumber pada cinta peribadi kita terhadap kepada Dia yang menciptakan kita.

Insiden yang terjadi berkaitan pembahagian dan penerimaan hosti kudus memang kadang kala terjadi. Kita semua wajib berhati-hati dalam tindakan kita.

Jangan pernah bersikap acuh tak acuh semasa menyambut komuni kudus; melainkan kita wajib sentiasa menyambut komuni kudus dengan hormat dan hati-hati.

Ini adalah kerana kita memperoleh hak yang teramat istimewa menyambut Tubuh, Darah, Jiwa dan Ke-Tuhanan Juruselamat kita yang sungguh hadir dalam Ekaristi Kudus.

**Soalan Dua:** Adakah umat yang mengutip hosti kudus terjatuh harus dimarahi?

Mengenai perkara ini, pihak Gereja tidak boleh mendengar satu pihak sahaja. Jika benar paderi itu berkata kasar dan menegur keras di hadapan umum, semoga Sdra dapat memaafkannya.

Mungkin dia hanya menegur secara umum dan tidak bermaksud menyakiti hati Sdra. Seorang paderi juga seorang manusia biasa. Mungkin adalah baik Sdra bertemu dengan paderi itu, berdamai dan memohon penjelasan selanjutnya daripada beliau. — *Aleteia, indocellnet, GIRM*

# Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan doa Yesus untuk para pengikut-Nya.





Kuduskanlah mereka dalam kebenaran, \_\_\_\_\_ -Mu adalah kebenaran.

Sama seperti Engkau telah \_\_\_\_\_ Aku ke dalam dunia, demikian pula Aku telah mengutus mereka ke dalam \_\_\_\_\_

dan \_\_\_\_\_ menguduskan diri-Ku bagi mereka, supaya merekapun \_\_\_\_\_ dalam \_\_\_\_\_.

(Yoh 17:18-19)



**Yesus berdoa bagi para pengikut-Nya (Yoh 17: 11-19)**

Mari Mewarna

Warnakan kad Hari Ibu di bawah. Gunting dan berikan kepada ibu adik-adik.



**YA BAPA YANG KUDUS, PELIHARALAH MEREKA DALAM NAMA-MU (YOHANES 17:11)**

Ingatlah, ya Santa Perawan Maria yang (1) belum pernah (2) bahawa seorang pun yang

mohon (3) dan mohon (4) dibiarkan seorang diri tanpa (5)



- : penghiburan
- : pertolonganmu
- : terkasih
- : perlindunganmu
- : terdengar

Lengkapkan petikan doa *memorare* ini. Sepanjang bulan Mei, mari kita mendoakan bagi kanak-kanak yang sakit, miskin dan menderita akibat peperangan.

Hello adik-adik,

Apa perasaan adik-adik apabila melihat ibu bapa, rakan-rakan atau orang tidak dikenali sedang berdoa dalam Gereja atau di rumah?

Bagi antie, apabila antie melihat orang lain sedang berdoa, antie tu-

rut terdorong untuk berdoa sama.

Adik-adik, Injil pada hari Minggu ini menceritakan tentang Yesus yang mendoakan para pengikut-Nya.

Kejadian ini berlaku semasa Perjamuan Terakhir iaitu sebelum Yesus ditangkap, diadili secara

tidak adil dan disalibkan.

Yesus tahu, Dia akan meninggalkan para murid-Nya, oleh itu Dia berdoa kepada Bapa-Nya di syurga agar melindungi murid-murid-Nya.

Yesus juga mahu murid-murid-Nya terus taat kepada Tuhan, melakukan apa yang diperbuat oleh

Yesus semasa di dunia dan menyebarkan kasih Tuhan kepada sesama. Adik-adik, doa ini juga adalah untuk kita. Semoga kita terus taat dan sukacita menjadi pelaku firman-Nya.

Salam Sayang  
Antie Melly

# BELIA MILENIUM

## Worship Night, memuji Tuhan sambil bersiap ke SYD-6

SANDAKAN: Kerasulan Belia Paroki Katedral St Mary, Sandakan (KBP) telah menganjurkan "Worship Night" pada April 16 di Dewan Pusat Paroki St Mary. Ini merupakan salah satu acara sepanjang Salib Belia dan Ikon Bonda Maria berada di Katedral St Mary.

Untuk rekod, Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah menghantar Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke Katedral St Mary pada Mac 16 lalu.

Salib Belia dan Ikon Bonda Maria akan berada di Katedral St Mary dan zon-zon terpilih sehingga Jun 15.

Pada Jun 15, Salib Belia dan Ikon Bonda Maria dijadualkan untuk dihantar ke Keuskupan Keningau.

Selain Worship Night, beberapa acara lain telah diadakan misalnya *Movie Night* dan *Taize Prayer*.

"Worship Night" yang dihadiri lebih 130 belia dan ibu bapa, dianjurkan bersama

CHARIS BM dan *Star of Yahweh Covenant Community* Katedral St Mary.

Tepat jam 8.00 malam acara dimulakan dengan doa pembukaan yang dipimpin oleh Sdri Leazrinna Adrina Adaris.

Kemudian, Timbalan Ko-ordinator KBP iaitu Sdra Corey Felino Henry memberikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam rangka menjayakan "Worship Night" pada hari tersebut.

Dalam ucapannya, Corey juga menyeru semua belia untuk bersama-sama dalam program berdoa bersama Salib Belia dan ikon Bonda Maria yang berada di Katedral St Mary sehingga April 19 dan dihantar ke Kapela St Petrus, Sungai Manila pada April 21.

Acara "Worship Night" diakhiri dengan bergambar bersama semua ibu bapa, tim penganjur dan belia.



Salib Belia SYD-6 dan Ikon Bonda Maria diletakkan di atas pentas semasa Worship Night bersama belia paroki Sandakan.

## Keajaiban Kecil Lille, himpunkan ratusan anak muda setiap minggu

**LILLE, Perancis: Meskipun negara Perancis sering kelihatan sebagai negara yang semakin lemah dalam agama Kristian apatah lagi ia meluluskan undang-undang aborsi, namun secara diam-diam kerohanianannya amat kuat.**

Setiap malam Selasa, jam 10.00 malam, lebih 900 mahasiswa berkumpul di Kapel St Joseph yang bersejarah di Universiti Katolik Lille untuk merayakan Misa dengan cahaya lilin.

Bilangan yang datang semakin bertambah dari bulan ke bulan sejak inisiatif ini dilancarkan pada tahun 2016. Jumlah katekumen juga semakin ramai.

Pada mulanya, Misa dengan cahaya lilin ini dimulakan oleh enam orang mahasiswa. Mereka mengusahakan agar Misa diadakan di sebuah kapel kecil di Universiti Lille (universiti swasta terbesar di Perancis, juga dikenal sebagai "La Catho").

Misa dengan cahaya lilin ini begitu cepat mendapat perhatian sehingga menerima lebih 300 peserta sehingga memaksa penyelenggara untuk mencari tempat lain, agar terus dapat menyambut arus mahasiswa yang semakin meningkat.

Mereka yang menghadiri Misa, bukan sahaja di kalangan Katolik tetapi mereka

yang sedang mencari jawapan atau sekadar ingin tahu.

Mengapa ketika Gereja-gereja di Eropah semakin sunyi kerana tidak ada umat tetapi kapel kecil di Lille sentiasa dibanjiri umat?

Adakah kerana adanya gerakan tradisional dan karismatik di kapel itu? Misa di Lille tidak ada identiti tertentu.

"Pada saya, apa yang menarik para mahasiswa untuk menghadiri Misa di Lille ialah kesederhanaan dan keindahannya. Pelajar yang pernah Misa ke sini, mempromosikannya dari mulut ke mulut," ujar Joséphine Auberger, salah seorang mahasiswa di Universiti Lille.

Misa di Universiti Lille diadakan jam 10.00 malam, ketika para mahasiswa telah menyelesaikan hari mereka dan umumnya tidak memiliki rencana apa pun. Rasanya ini adalah waktu ideal untuk memberikan sesuatu kepada Tuhan dan menerima sesuatu sebagai balasannya.

Fr Charles-Marie Rigail menceritakan, setiap kali Misa, lilin-lilin dinyalakan untuk membantu para peserta muda mengangkat pandangan mereka ke syurga dengan hati yang murni, dari hati ke hati dengan Tuhan.

"Di sini, orang muda ini melucutkan segala hal duniawi dan berada tepat di hadapan Tuhan," kata Fr Charles-Marie Rigail, chaplain bagi Universiti Katolik Lille.



Misa dengan cahaya lilin, setiap malam Selasa, jam 10.00 malam di Kapel St Joseph, Universiti Lille, Perancis. Gambar: CNA.

"Instagram dan jejaring sosial di dunia tidak akan pernah mampu memuaskan rasa haus akan sesuatu yang tidak dapat dipenuhi oleh aplikasi elektronik."

Selain memupuk semangat komuniti, Misa dengan cahaya lilin memberi pengalaman sangat peribadi di kalangan mahasiswa.

Misi utama inisiatif Misa dengan cahaya lilin ini, bukan untuk menjadikan umat sebagai "pengguna liturgi yang indah" tetapi menjadi umat Katolik yang mampu menjadi pelaku firman dan menyebarkan Khabar Gembira melalui tindakan mereka sebaik sahaja mereka meninggalkan universiti!" kata Fr Rigail. — CNA

## Pertemuan sinode di Cambodia seru kolaborasi

PHNOM PENH: Umat Katolik Cambodia yang menghadiri seminar tentang sinodaliti diminta untuk memupuk persekutuan dan kolaborasi yang lebih besar sambil menjadikan “sinodaliti sebagai pengalaman hidup” dalam konteks misionari di negara tersebut.

Pejabat Komunikasi Sosial Federasi Konferensi-konferensi para Uskup Asia (FABC) menyelenggarakan seminar tentang Sinodaliti pada April 25-27 lalu.

Uskup Olivier Michel Marie Schmitthaeusler dari Phnom Penh, yang merasmikan acara tersebut, menyeru para peserta “untuk

mendengarkan Roh Kudus bagi mewujudkan Sinode dalam konteks pastoral Gereja di Cambodia.”

Seminar itu membicarakan proses dan tahap Sinode yang berbeza serta memiliki tiga tema utama: persekutuan, partisipasi dan misi.

“Ini adalah momen untuk memberikan tenaga kembali pada Gereja misionari yang masih muda di Cambodia,” kata Uskup Olivier.

Cambodia memiliki sekitar 20,000 umat Katolik dari 16 juta penduduk yang sebahagian besarnya beragama Buddha.

Sepanjang seminar, para peserta berulang kali menekankan kep-



Para uskup, paderi, religius dan umat Katolik di Cambodia diseru mendengar Roh Kudus bagi mewujudkan Sinode dalam konteks pastoral Gereja di Cambodia.

erluan “kolaborasi dan program bersama dalam program-program pembentukan berkelanjutan.”

Semua kegiatan keagamaan termasuk Buddha Theravada, agama majoriti di negara tersebut sejak abad ke-13, dilarang di bawah rejim represif Pol Pot.

Rejim itu juga dikatakan bertang-

gungjawab terhadap pembunuhan sekitar dua juta warga Cambodia (1975-1979) kerana mahu memusnahkan mereka yang dianggap pengkhianat rejim Pol Pot.

Ramai umat awam, katekis, dan misionari, termasuk anggota Serikat Misi Asing Paris (MEP) dari Cambodia, Vietnam dan Perancis

telah dibunuh semasa pemerintahan rejim itu.

Gereja Katolik Cambodia perlahan-lahan “bangkit dari abu kehancuran,” dengan tekad baharu untuk melakukan evangelisasi, membangun kembali komuniti dan Gereja, dan “membina persatuan dan kolaborasi”. — *Ucanews.com*

# Sri Paus minta umat bersiap untuk sinode Oktober

VATIKAN: Hasil paling penting dari Sinode Uskup semasa mengenai sidang sinodaliti ialah proses sinodal itu sendiri, bukannya topik hangat yang dibincangkan, kata Sri Paus Fransiskus.

Perhimpunan sinode kedua yang dijadualkan pada Oktober ini merupakan peringkat “paling mencabar dan penting di mana ia mesti menjadi nubuatan atau profetik,” tegas Bapa Suci.

“Sekarang ini adalah soal menterjemahkan kerja peringkat sebelumnya kepada pilihan yang akan memberi dorongan dan kehidupan baru kepada misi Gereja pada zaman kita,” katanya kepada ahli persatuan awam Tindakan Katolik Itali di Dataran Sto

Peter pada April 25 lalu.

“Untuk itu, diperlukan orang-orang yang dijamah oleh Roh, ‘penziarah harapan’,” iaitu lelaki dan wanita yang mampu memetakan dan menapaki jalan baharu.”

Pada bulan Mac lalu, Bapa Suci Fransiskus memutuskan beberapa isu paling kontroversi yang diangkat pada pertemuan sinode pertama tahun lalu, sebagai “memerlukan studi mendalam” akan diperiksa oleh kumpulan pengkaji di mana kumpulan-kumpulan itu akan mengeluarkan laporan awal kepada majlis sinode pada Oktober ini serta memberikan laporan akhir mereka kepada Sri Paus

pada bulan Jun, 2025.

Sepuluh tema yang akan diterokai oleh kumpulan studi tersebut antara lain pedoman formasi paderi, peranan wanita dalam Gereja dan partisipasi mereka dalam kepimpinan komuniti, mendengarkan masyarakat miskin dan kriteria pemilihan uskup.

Walaupun beberapa soalan memerlukan kajian yang lebih mendalam, Sri Paus Fransiskus memberitahu orang ramai untuk “menjadi pemerhati aktif dan mejadi pembawa standard sinodaliti dalam keuskupan dan paroki di mana anda berada, untuk memudahkan pelaksanaan penuh sinodal yang diambil setakat ini.” — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus menyeru umat bersiap sedia untuk perhimpunan sinode kedua pada Oktober ini dan menyifatkannya sebagai kerana ia harus menjadi profetik.

## Nyalakan api iman dalam hati umat

ROMA: Para lelaki dan wanita religius perlu membakar iman umat, bukan memadamkannya, kata Sri Paus Fransiskus.

“Saya sedih ketika saya melihat para religius yang kelihatannya seperti petugas pemadam kebakaran” berbanding lelaki dan wanita awam yang penuh semangat menipukan api iman, malah siap membahagikannya kepada orang lain, kata Bapa Suci ketika bertemu dengan beberapa perwakilan kongregasi yang didirikan oleh Sta Magdalena dari Canossa, pada April 29 di Vatikan.

Para anggota Putera Canossian Cinta Kasih, juga dikenali sebagai paderi-paderi Canossian dan Puteri Canossian Cinta Kasih mengadakan persidangan umum mereka di Roma dengan tema, “Dia yang tidak membakar tidak akan terbakar!”

Merefleksikan tema itu, Bapa Suci mendorong mereka untuk membakar iman umat dan, “Tolong, jangan ada petugas pemadam kebakaran! Kita sudah memiliki terlalu ramai ‘pemadam api.’”

Sri Paus menyeru keluarga Canossian agar berkolaborasi sama dengan umat awam, “yang sama

aktif dan terlibat.”

“Melibatkan umat awam dalam spiritualiti sebuah institut dan berkolaborasi dengan karya kerahsulan dengan mereka adalah sangat penting,” kata Sri Paus.

Memang banyak cabaran yang dilalui oleh putera dan puteri Canossian tetapi “tetapi Sta Magdalena dari Canossa telah menunjukkan kepada kalian bagaimana mengatasi kesukaran.”

Sta Magdalena dari Canossa menunjukkan kepada kita “ketika jalan iman kita menjadi sukar, pandanglah Yesus yang disalib dan

pandanglah mata dan luka orang-orang miskin, dan kalian akan melihat bahawa perlahan-lahan jawabannya akan memasuki ke dalam hati kita dengan lebih jelas.”

Pada audiensi yang sama, Bapa Suci juga menyapa para anggota Brother Montfort dari St Gabriel, yang menghadiri sidang umum di Roma pada April 3 hingga Mei 1. Bapa Suci turut memuji kemajmukan dalam keanggotaan Brother Montfort yang menyumbang kepada keharmonian dan memperkuat lagi kesatuan. — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus bertemu dengan para paderi dan religius Canossian di Dewan Clementine, Vatikan. Gambar: Media Vatikan

## PM Itali umum Bapa Suci bakal hadiri sidang G7

VATIKAN: Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni mengumumkan bahawa Sri Paus Fransiskus akan menyertai sebuah perbincangan “penjangkauan” G7 mengenai kecerdasan buatan (AI) di mana para pemimpin negara-negara industri terkemuka dunia bakal bertemu di Itali selatan pada pertengahan Jun nanti.

“Ini adalah pertama kalinya seorang Bapa Suci berpartisipasi dalam kegiatan G7 dan ia pasti membawa prestij bagi Itali dan seluruh G7,” tulis Giorgia pada April 10, dalam sebuah *posting* yang menyertakan pengumuman video.

Meloni, Joe Biden dan para ketua negara lain – Kanada, Prancis, Jerman, Jepun dan United Kingdom, serta para pegawai tinggi Kesatuan Eropah – dijadualkan bertemu pada Jun 13-15 di Borgo Egnazia, Itali.

Matteo Bruni, direktor pejabat akhbar Vatikan, mengesahkan niat Sri Paus Fransiskus untuk berpartisipasi G7.


Perdana Menteri Itali mengatakan, beliau ingin para pemimpin kerajaan mendapat manfaat daripada refleksi etika yang telah dipromosikan oleh



Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni bersama Sri Paus Fransiskus dalam audiensi peribadi pada Januari, 2023.

Vatikan sejak 2020 iaitu “Panggilan Roma untuk kod etika AI” (*Rome Call for AI Ethics*), sebuah projek yang diselenggarakan oleh Akademi Kepausan untuk Kehidupan yang telah ditandatangani oleh pemimpin tertinggi Microsoft, IBM, Cisco dan pemimpin penting lain dalam bidang ini. — *media Vatikan*

HARI KOMUNIKASI SOSIAL SEDUNIA KE-58, MEI 12, 2024



# Kecerdasan Buatan dan Kebijakan Hati

Kecerdasan buatan (AI) “secara radikal mempengaruhi dunia informasi, komunikasi dan kehidupan masyarakat. Pengaruh dan perubahan ini membawa kesan kepada semua orang.

Bagaimana kita dapat tetap menjadi manusia seutuhnya dan membimbing transformasi budaya ini untuk mencapai tujuan yang baik?

Pertama-tama, kita perlu kesempingan dahulu prediksi bencana dan kesan AI. Seabad lalu, Romano Guardini, ketika berefleksikan tentang teknologi dan kemanusiaan, mendesak kita agar tidak menolak “pembaharuan” dalam usaha melestarikan dunia indah yang terancam dengan pelbagai masalah.

Guardini menyatakan, “Masalah-masalah itu bersifat teknikal, ilmiah dan politik. Ia tidak dapat diselesaikan kecuali dengan melihatnya dari rasa kemanusiaan kita!”

“Pada masa sekarang, segala bentuk refleksi harus dimulai dari hati. Manusia boleh kaya di bidang teknologi teknologi tetapi miskin dalam kemanusiaan, refleksi kita harus dimulai dari hati manusia.”

Dalam Alkitab, hati dipandang sebagai tempat kebebasan dan pengambilan keputusan, “melambangkan integriti dan persatuan, sekaligus melibatkan emosi, keinginan dan impian kita.”

Dan paling penting, hati “tempat ter dalam perjumpaan kita dengan Tuhan.”

“Kebijaksanaan hati, adalah kebajikan yang memungkinkan kita untuk mengintegrasikan keseluruhan, keputusan, kesan, keluhuran dan kelemahan kita.

## Peluang dan bahaya

Kebijaksanaan seperti itu tidak dapat diperoleh dari mesin. Meskipun istilah “kecerdasan buatan” telah menggantikan istilah “pembelajaran mesin”, “penggunaan kata ‘kecerdasan’ terbukti boleh menyesatkan.”

Pada masa sekarang, kita mampu menciptakan mesin-mesin rumit sebagai sokongan pemikiran manusia ... Dan instrumen ini dapat disalahgunakan.

Untuk itu, perlu tindakan pencegahan iaitu membuat pedoman-pedoman dalam bertindak (kod etika). Kod etika ini berguna untuk mencegah kesan buruk penggunaan AI, yang boleh menyebabkan ketidakadilan dan diskriminasi sosial.

## Bertumbuh dalam Kemanusiaan

Kita semua dipanggil untuk tumbuh bersama, dalam kemanusiaan dan sebagai manusia.

Kita dipanggil untuk merenungkan secara hati-hati perkembangan teoretis dan penggunaan instrumen-instrumen komunikasi dan ilmu pengetahuan baharu ini.

Pemanfaatan kecerdasan buatan dapat memberi kontribusi positif pada sektor komunikasi asalkan peranan jurnalisme di lapangan diberi sokongan, bukannya dilenyapkan.

Revolusi digital boleh memberi kita kebebasan yang lebih besar, kecuali jika ia memenjarakan kita dalam model yang pada masa kini dipanggil “ruang gema”.

Dalam kes ini, ia bukan meningkatkan pluralisme maklumat sebaliknya kita berisiko hanyut dalam kebingungan, menjadi mangsa kepentingan pasaran atau kuasa yang ada.

Maklumat tidak boleh dipisahkan daripada

**Infomasi tidak dapat dipisahkan dari pelbagai relasi kehidupan ... ia tidak hanya berkaitan dengan data, tetapi juga dengan pengalaman manusia.**

(Sri Paus Fransiskus)

hubungan hidup. Ini melibatkan tubuh dan realiti dunia sebenar; maklumat bukan sahaja mengenai data tetapi juga pengalaman manusia serta memerlukan kepekaan terhadap wajah dan ekspresi muka, belas kasihan dan perkongsian.

## Pertanyaan untuk hari ini dan masa depan

Bagaimana kita dapat melindungi profesionalisme dan martabat para pekerja di bidang informasi dan komunikasi serta martabat para penggunanya di seluruh dunia? Bagaimana kita dapat memastikan *interoperabilitas (kemampuan dua atau lebih sistem/platform untuk bertukar data/informasi dan menggunakannya)* platform-platform yang ada?

Bagaimana kita dapat memastikan bahawa perusahaan-perusahaan yang mengembangkan platform digital bertanggung jawab atas konten dan iklan yang mereka siarkan sebagaimana dilakukan oleh para editor di media tradisional?

Jawaban kepada pelbagai pertanyaan di atas tentu; semua bergantung pada pilihan kita.

Manusia dihadapkan pada keputusan kritis: menjadi objek yang dimakan oleh algoritma atau memberi makan hati kita dengan kebebasan, di mana kebijaksanaan dapat mendewasakan kita, menerima serta memperbaiki kerapuhan-kerapuhan kita.

Agar kita tidak kehilangan kemanusiaan kita, marilah kita mencari Kebijakan yang ada sebelum segala sesuatu (lih. Sir. 1:4), kebijaksanaan yang melalui hati yang murni, mempersiapkan para sahabat Tuhan dan para nabi (lih. Keb 7:27):

Kebijaksanaan inilah yang akan membantu kita dalam mengarahkan sistem-sistem kecerdasan buatan untuk menyokong komunikasi yang sungguh manusiawi. — **Sri Paus Fransiskus, Roma, Santo Yohanes Lateran, Januari 24, 2024**



Mesin memiliki kemampuan jauh lebih besar dari manusia dalam penyimpanan dan menghubungkan data, tetapi hanya manusia yang dapat memahaminya.

PENULIS BERKICAU

## Sikap kita terhadap penginjil

Bagaimana sikap kita apabila ada penganut denominasi lain datang ke rumah kita untuk bercakap tentang Yesus? Bagaimana sikap kita apabila ada seseorang memberikan kita risalah tentang sukacita berdoa dan beribadat di gereja mereka (bukan Katolik)?

Beberapa ketika dahulu, semasa hujung Minggu, rumah saya dikunjungi oleh lima orang remaja dari gereja Kristian. Mereka hanya menaiki basikal, berjalan dari rumah ke rumah semata-mata mahu menyampaikan risalah mengenai gereja mereka.

Saya menyambut kedatangan mereka. Mereka bercakap tentang penyelamatan dan kebangkitan Yesus. Sebelum mereka kembali, mereka juga bertanya sama ada saya perlu doa atau tidak. Sudah tentu saya suka didoakan oleh perkumpulan itu. Kebetulan, anak saya juga demam pada ketika itu.

Sebelum mereka kembali, saya hadiahkan mereka senaskhah Minggu Katolik *HERALD*, Mac 27, 2022 dengan muka hadapan bertajuk: Sinodaliti, Panggilan sejati Tuhan untuk Gereja. Saya sempat memberitahu kepada kumpulan belia Kristian itu, bahawa Gereja bukan hanya menawarkan keselamatan untuk umat-Nya tetapi juga untuk semua orang, khususnya yang miskin, terabai, para migran dan orang-orang yang tidak dikenali.

Baru-baru ini juga, sebuah perkumpulan Katolik melawat dari rumah ke rumah sebagai salah satu program musim Paskah mereka. Kedatangan mereka adalah mengejut, tanpa pemberitahuan.

Namun, kehadiran mereka disalah anggap. Ramai yang tidak mahu membuka pintu kerana mengangap mereka dari kumpulan denominasi lain.

Nampaknya, komuniti Katolik masih kurang terbuka untuk berdialog dengan komuniti bukan Katolik. Ini menyebabkan program sempena Hari Doa Kesatuan Kristian yang diraikan setiap bulan Februari — kurang mendapat sambutan.

Begitu juga dengan acara-acara doa bersama dengan gereja Kristian lain, meskipun diadakan sekali dalam sebulan, hanya umat dari gereja protestan yang memenuhi ruang. Umat dari gereja Katolik hanyalah diwakili oleh paderi atau pengerusi MPP sahaja!

Dokumen *Evangelii Gaudium* mengundang kita untuk melakukan apa yang disebut sebagai pembaharuan misi iaitu kita menjadi “Gereja yang bergerak keluar”, iaitu menjadi umat beriman yang tidak terlalu sibuk dengan dirinya sendiri dan mahu pergi “ke pinggiran” (EG 24).

Sebagai murid Kristus, kita tidak keluar ke sana sini untuk menginjil dengan membawa sepanduk, tetapi berusaha memberikan kesaksian tentang sukacita menjadi seorang murid Kristus.

Jadi, bagi saya, jika ada perkumpulan dari denominasi lain datang ke rumah untuk bercakap tentang Yesus, kita perlu berani untuk membukakan pintu rumah kita, bukan berdebat sebaliknya berdialog dengan mereka. Mungkin kita menutup pintu kerana pengetahuan agama kita kurang? Namun sampai bila kita mahu menutup pintu rumah kita kepada mereka yang mahuewartakan Yesus?

Apa gunanya Alkitab, Katekismus Gereja Katolik dan banyak lagi buku rohani lain jika hanya disimpan di almari?

Lagipun, bukan sahaja penginjil dari gereja lain, suatu hari nanti, anak-anak, rakan, ibu bapa atau orang-orang terdekat kita, mahu bertanya kepada kita tentang Yesus, tentang undang-undang Gereja Katolik, tentang agama Katolik — bagaimana kita menghadapinya?

Adakah pada ketika itu, barulah kita mencari jawabannya di Internet atau menghubungi paderi paroki, katekis dan religius bagi mendapatkan jawabannya?

## Komisi Kehidupan Keluarga KK anjur Kem Lelaki Sejati Katolik



Kem Lelaki Sejati Katolik menyedarkan para peserta tentang peranan mereka sebagai imam, nabi dan raja.

PACE BENE, Papar: “Sekadar untuk memenuhi undangan dari kawan, saya mengandaikan bahawa Kem Lelaki Sejati Katolik adalah sama seperti menghadiri seminar lain iaitu mendengar ceramah dengan sedikit aktiviti.”

“Tanggapan saya meleset selepas mendengar sesi pertama yang mengupas tanggungjawab dan kewajipan seorang lelaki berpandukan firman Tuhan,” kata salah seorang peserta Kem Lelaki Katolik Sejati, Walter Sunggin dari Gereja St Peter Claver Ranau, salah seorang peserta Kem Lelaki Katolik Sejati Siri tiga, yang diadakan di Pusat Retret Pace Bene, Papar baru-baru ini.

Dengan tema, “Menjadi lelaki adalah anugerah kelahiran, tetapi menjadi lelaki sejati adalah pilihan”,

Kem Lelaki Katolik Sejati anjuran Komisi Kehidupan Keluarga Keuskupan Agung Kota Kinabalu baru-baru ini, merupakan siri ketiga.

Kem ini bermatlamat menyedarkan peranan lelaki sebagai imam, nabi dan raja agar terjalin kehidupan keluarga yang lebih harmoni dan bahagia serta mengajarkan nilai-nilai lelaki yang maksimal demi pemulihan keluarga yang sudah retak.

“Menyertai Kem Lelaki Sejati Katolik Siri tiga umpama perjalanan untuk menemui jati diri di samping memantapkan iman,” ujar Charles Jose dari Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu.

“Kem ini membantu saya mendalami peranan saya sebagai suami dan bapa. Melalui kasih Tuhan ini iman saya diperbaharui dan

berkomitmen memperkasakan nilai seorang lelaki sebenar yang berakar umbi dalam kasih, pelayanan dan iman,” kata Charles.

Peserta dari Beaufort, Cosmas Gopin mengatakan, “Sesi-sesi dalam kem ini juga menyedarkan saya akan erti pertobatan sejati. Selama ini saya tidak menyedari akan wujudnya keangkuhan dan hati yang tertutup dalam diri saya.”

Cosmas sangat bersyukur kerana melalui Kem Lelaki Katolik Sejati, “Tuhan telah menjamah dan menyedarkan saya akan misi-Nya sebagai suami dan bapa yang mencontohi Kristus.”

Kem Lelaki Sejati Katolik diakhiri dengan pengutusan dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Michael Modoit. — *Eveline Justine*



Sesi Ice Breaking

## KUBM Risen Christ jiwai pelayanan Gereja

KUALA LUMPUR: Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) meneruskan program jangkauannya dengan mengunjungi dan memberikan formasi kepada Komuniti Umat Berbahasa Malaysia (KUBM) di Gereja Risen Christ (RCC), pada April 21.

Ini merupakan kali pertama ABMA mengunjungi KUBM RCC. Objektif utama program jangkauan kali ini adalah untuk memupuk semangat kesatuan dalam pelayanan Gereja memandangkan banyak cabaran yang telah dialami oleh umat di sini yang secara tidak langsung memberi kesan pertumbuhan rohani.

Seramai 47 peserta yang terdiri daripada belia dan dewasa telah menyertai formasi ini.

Sdra Spencer Klumai menekankan bahawa formasi “Pengalaman Kerohanian Komuniti” membawa para peserta mengenali misi Tuhan untuk setiap umat-Nya.

Dalam sesi kedua, “Siapakah Yesus Kristus”, Sr Sylvia Stanis meminta para peserta untuk membuat refleksi peribadi bagaimana kehadiran Yesus dalam hidup

mereka dan mempengaruhi kehidupan mereka.

Sdri Valerie Nozie dalam sesi ketiga di mana beliau berkongsi pelayanan awalnya bersama KUBM di Gereja St Anthony.

Para peserta juga diminta untuk mengimbas kembali bilakah mereka menyedari bahawa Tuhan telah memilih mereka dalam pelayanan dan apakah situasi-situasi yang telah mendatangkan kegembiraan atau kesedihan kepada mereka.

Sesi keempat mengajak para peserta melihat cabaran dalam pelayanan oleh Sdri Elena Woo.

Elena menjelaskan bahawa pelayanan Gereja tidak boleh dilakukan seorang diri. Pelayanan memerlukan kerjasama dan jika cabaran tidak ditangani dengan bijak, ini akan melemahkan semangat pelayanan seseorang.

Sesi terakhir yang dibimbing oleh Sdra Egbert Adolf adalah sesi untuk setiap umat KUBM RCC saling memberikan penghargaan kepada sesama bagi memperkukuh dan mengeratkan lagi perhubungan antara mereka. — *Elena Woo, ABMA*

## HRC Klang komited jaga kebajikan, kesihatan warga tua



KLANG: Dalam usaha menangani keperluan kesihatan warga emas Gereja Holy Redeemer, menganjurkan program pemeriksaan kesihatan percuma baru-baru ini yang diselenggarakan oleh Profesor Tan Maw Pin, Pakar Perunding Geriatrik di PPUM (Pusat Perubatan Universiti Malaya).

Sepasukan sukarelawan pelajar dari PPUM juga turut membantu dalam pemeriksaan kesihatan percuma itu.

Seramai 60 warga emas paroki memanfaatkan peluang tersebut bagi menjalani pemeriksaan dan penilaian kesihatan.

Pemeriksaan ini termasuk ujian untuk ingatan, keseimbangan, mobiliti, kekuatan bahagian atas badan, dan Analisis Impedans Bioelektrik.

Paroki Holy Redeemer juga merancang untuk menubuhkan Tim Pembantu Warga Emas untuk membantu penjagaan kesihatan di kalangan warga tua di paroki tersebut.

KUCHING: Perhimpunan Plenari Ke-10 Federasi Alkitab Katolik (CBF) telah diadakan di Argentina, pada bulan April tahun lepas. Di peringkat Asia Tenggara, ia diadakan di Keuskupan Agung Kuching.

Sub-rantau Asia Tenggara terdiri daripada tiga zon iaitu, zon utara (Thailand, Myanmar, Vietnam dan Kemboja), zon selatan (Indonesia, Malaysia-Brunei-Singapura) dan zon Filipina.

Perhimpunan di peringkat Asia Tenggara ini dihadiri oleh Fr Jan Stefanow, SVD dari Roma, Uskup Agung Simon Poh dari Kuching, Uskup Agung Basilio Athai dari Myanmar, Uskup Arpondratana Vira dari Thailand, 12 orang paderi, beberapa orang religius dan umat awam.

Uskup Pablo Virgilio S David, presiden kepada konferensi para Uskup Katolik Filipina, melalui platform Zoom, mengatakan beberapa pelan tindakan CBF dan peringkat sub serantau CBF Asia Tenggara.

Uskup Agung Simon Poh dalam ucapan plenonya, menyeru cara kreatif untuk melakukan penginjilan di Asia Tenggara.

Antara yang dibicarakan dalam perhimpunan ini ialah krisis iklim dan formasi

## Perwakilan Federasi Alkitab SEA bertemu di Kuching



Perhimpunan Plenari Ke-10 Federasi Alkitab Katolik (CBF) peringkat Asia Tenggara diadakan di Keuskupan Agung Kuching baru-baru ini.

Kateketikal.

Meskipun tidak dapat hadir secara fizikal, John Bergin dari New Zealand menghuraikan buku “Identity, Identified” yang membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh belia hari ini di seluruh dunia.

Ini telah dikarang oleh sukarelawan dari pelbagai dunia dan salah seorang pengarangnya ialah Uskup Agung Simon Poh.

Kardinal Charles Bo dari Myanmar juga tidak dapat menghadiri perhimpunan ini namun menghantar video ucapannya ten-

tang Jubli 2025: Penziarah Harapan.

Selain itu, setiap perwakilan diberi peluang untuk berkongsi Amalan Pastoral Alkitab yang mungkin boleh disesuaikan untuk digunakan oleh zon-zon dalam SEA. — *sumber Today's Catholic*